

PENGAJARAN BAHASA ARAB UNTUK TUJUAN-KHUSUS:**SATU PANDANGAN AWAL**

Hassan Basri Awang Mat Dahan

Mohd Azhar Zailaini

Universiti Malaya

The issue of teaching languages for specific purposes is not new. It has been a topic of discussion years ago particularly in English teaching but not in Arabic teaching. This article looks into the possibility of exploring Arabic teaching for specific purposes at higher learning institutions with special reference to Academy of Islamic Studies, University of Malaya. Two skills, reading and writing, are discussed. The authors use the phrase "Satu Pandangan Awal" (A preliminary study) with hope that this topic will be discussed at length in future.

Isu pengajaran bahasa untuk Tujuan-khusus bukan perkara baru dalam pengajaran bahasa khususnya pengajaran Bahasa Inggeris. Bagaimana pun, keadaan seperti itu tidak berlaku kepada pengajaran Bahasa Arab kerana setakat ini belum ada lagi perbincangan secara mendalam dilakukan mengenai perkara tersebut. Artikel ini cuba megupas isu berkenaan. Kajian ini hanya berfokus kepada Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM), yang dilihat relevan untuk perbincangan topik ini. Bagi program prauniversiti yang menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa pengajaran (sebahagian besar subjek) dijalankan di kampus cawangan APIUM di Nilam Puri, Kelantan. Walaupun terdapat kuliah dan tutorial yang dikendalikan dalam Bahasa Melayu tetapi sebahagian besar rujukan para pelajar APIUM adalah dalam Bahasa Arab. Sesungguhnya, keadaan ini memerlukan pelajar menguasai bahasa tersebut dengan baik. Malah kajian Isahak Haron (2000) menunjukkan 45 peratus bahan rujukan pelajar APIUM (Akademi Islam atau AP sebelum ini) adalah kitab-kitab dan juga buku-buku dalam Bahasa Arab sementara penggunaan buku-buku rujukan dalam Bahasa Inggeris tidak melebihi 2.6 peratus.

Latarbelakang

Apabila menyentuh perbincangan mengenai pengajaran Bahasa Arab di peringkat universiti, tidak dapat tidak ia membawa kita kepada beberapa persoalan tersirat dalam pengajaran di peringkat pendidikan tinggi agama di negara ini. Oleh itu, persoalan menyentuh perkara-perkara yang ada kaitannya dengan keperluan pelajar itu sendiri. Antara persoalan yang utama adalah: Apakah matlamat dan objektif pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab peringkat pendidikan tinggi agama ini? Kedua, apakah sukatan pelajaran yang digunakan dan diajar; dan adakah kedua-dua matlamat serta objektif pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab peringkat pendidikan tinggi agama tersebut dapat dicapai? Oleh itu, perbincangan ini akan berfokus kepada: 1) Matlamat dan objektif pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab yang ingin dicapai; 2) Pengalaman penuntut mempelajari Bahasa Arab sebelum masuk ke pra-universiti dan universiti iaitu apakah bentuk pembelajaran mereka sebelum masuk ke pra-universiti dan universiti; dan apakah kandungan sukatan pelajaran yang mereka pelajari pada waktu itu. Bagaimana pun, dalam perbin-

cangan ini, data pencapaian penuntut-penuntut sebelum mereka masuk universiti tidak disertakan.

Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah

Bahagian ini cuba melihat secara ringkas matlarnat atau objektif pengajaran Bahasa Arab di sekolah menengah dan kandungan sukatan pelajarannya. Pengajaran Bahasa Arab secara formal bermula di sekolah menengah khususnya di sekolah aliran agama. Terdapat juga beberapa buah sekolah menengah kebangsaan yang memperkenalkan pengajaran Bahasa Arab sebagai bahasa asing. Bagaimana pun, kebanyakan mereka yang diterima masuk APIUM adalah dari aliran agama.

Pengajaran Bahasa Arab di sekolah menengah dibahagikan kepada tiga bahagian:

Bahasa Arab Komunikasi (BAK); Bahasa Arab Tinggi (BAT); dan Bahasa Arab Tingkatan Enam. BAK diajar dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima sementara BAT mula diajar dari Tingkatan Empat hingga Tingkatan Lima. Pelaksanaan sebelum ini membolehkan pelajar mengarnbil kedua-dua subjek tersebut di Tingkatan Empat ke atas. Bagaimana pun, apabila Lembaga Peperiksaan meletakkan tarikh peperiksaan kertas-kertas BAK dan BAT untuk Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serentak mulai tahun 1999, maka pelajar terpaksa memilih satu daripada dua subjek berkenaan.

Sehubungan dengannya, majoriti pelajar yang masuk ke APIUM telah mengambil BAT di sekolah menengah. Bagi Bahasa Arab Tingkatan Enam pula, sukatan dan peperiksaannya dikendalikan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM). Secara ringkas, matlarnat pengajaran BAK peringkat menengah bertujuan menguasai kemahiran bahasa iaitu: kemahiran mendengar; bertutur; membaca; menulis; perbendaharaan kata; asas nahu (syntak) dan *sarf(morfologi)* Arab. Sementara sukatan pengajarannya pula lebih menjurus kepada tajuk-tajuk yang tidak menyentuh bidang khusus atau teknikal. Tajuk-tajuk nahu tidak diajar secara topikal tetapi aplikasi dalam pengajaran bahasa secara keseluruhannya. Dengan kata yang lain, kandungan mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi peringkat menengah adalah untuk tujuan umum yang menumpukan kemahiran berbahasa dalam kemahiran-kemahiran yang disebutkan di atas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000).

Kandungan BAT menumpukan kemahiran yang hampir sarna dengan BAK. Bagaimana pun, kandungan BAT lebih berat; padat; mempunyai unsur perolehan ilmu Bahasa Arab; dan kemahiran berbahasa. Sukatan mata pelajarannya mengandungi tajuk-tajuk: nahu, *sarf*, dan *balaghah* (bunga bahasa) secara khusus tetapi tidak merentas sukatan.

Dari segi pencapaian matlamat dan objektif, sebahagiannya tercapai pada kadar sederhana, dan sebahagian yang lain gagal dicapai. Kemahiran mendengar dan bertutur umpamanya hampir tidak tercapai langsung. Ini kerana, bagi kemahiran mendengar, bahan yang sesuai tidak terdapat di sekolah-sekolah untuk diajar kepada murid. Kajian penulis pada tahun 1994 (Hassan Basri Awang Mat Dahan, 1995) mendapati kemahiran mendengar langsung tidak diberi penekanan. Guru panitia yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan sukatan tersebut mengatakan kemahiran mendengar dan bertutur seringkali diabaikan dalam pengajaran (Hassan Basri Awang Mat Dahan, 1995).

Pemerhatian penulis selama lebih dari sepuluh tahun menyelia latihan mengajar Diploma Pendidikan dan Sarjana Muda Pendidikan Islam di beberapa buah sekolah di Selangor dan Wilayah Persekutuan mendapati: 1) Kemahiran mendengar dan bertutur

telah tidak diberi perhatian bermula dari rancangan pengajaran harian, mingguan dan bulanan hinggalah kepada aktiviti pengajaran; dan 2) Guru pula menganggap seolah-olah dua kemahiran tersebut tidak penting dalam PP bahasa lalu mereka mengabaikannya; 3) Guru menyampaikan pengajaran Bahasa Arab dalam Bahasa Melayu di kebanyakan sekolah yang dilawati; dan 4) Pelajar tinggal di persekitaran yang tidak menggunakan Bahasa Arab. Keadaan ini tidak berlaku dalam pengajaran kemahiran bacaan dan .. penuliskan keranagaJU ... telah.. memterlnekenan .. ke.lta.~ .. «illa ... a.spek: ... tersebut:

Kemahiran Bacaan

Kemahiran ini telah digunakan dengan meluas tetapi penguasaan pelajar hanya pada tahap sederhana. Dalam sesuatu ujian, biasanya pelajar memperolehi keputusan sederhana walaupun tidak cemerlang (Hassan Basri Awang Mat Dahan, 2002). Antara sebab utama mereka tidak menepai keputusan cemerlang dalam kemahiran baeaan adalah berpunea dari faktor kelemahan perbendaharaan kata pelajar.

Kemahiran Menulis

Dalam aspek kemahiran menulis, tahap penguasaan pelajar berada antara sederhana dan lemah (Hassan Basri Awang Mat Dahan, Jassem Ali Jassem, Mat Taib bin Pa, & Jamilah Jahim, 2002). Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan oleh beberapa faktor: 1) Guru kurang memberi latihan; 2) Pelajar lemah perbendaharaan kata - kerana kurang bacaan yang meluas disebabkan kurang bahan-bahan bacaan dalam Bahasa Arab; dan 3) Pengaruh bahasa pengajaran guru (yang menggunakan Bahasa Melayu sewaktu mengajar); dan guru tiada keupayaan mengajar kemahiran menulis khususnya, penulisan *insya'* dan pertuturan.

Pengajaran Bahasa Arab di Peringkat Universiti

Sepertimana pemerhatian ke atas pengajaran Bahasa Arab di sekolah menengah, begitu juga keadaan pemerhatian yang hams diberi kepada pengajaran Bahasa Arab peringkat universiti. Ini harus dilihat dari aspek-aspek: 1) Matlamat pengajaran dan pembelajaran di peringkat tersebut; dan 2) Adakah sukatan pelajarannya menuju ke arah menepai matlamat yang digariskan. Lanjutan dari itu, kaedah yang sesuai akan dicadangkan untuk menepai matlamat tersebut. Merujuk kepada Pengajaran Bahasa Arab di APIUM, dapat dirumuskan bahawa matlamatnya adalah untuk membolehkan pelajar menguasai bidang Syariah atau Usuluddin atau Pendidikan Islam yang dipelajarinya.

Walaupun di peringkat Sarjana Muda pelajar belum lagi menepai taraf seorang pakar dalam bidang Syariah, Tafsir, Usuluddin atau Pendidikan Bahasa Arab tetapi penguasaan Bahasa Arab yang baik perlu menjadi matlamat utama peringkat pengajian tinggi. Berdasarkan kepercayaan bahawa pelajar berkelulusan dari APIUM boleh menjadi seorang mujtahid, ahli tafsir dan guru Bahasa Arab sekiranya mereka diberi dibimbing dengan betul dan sistematik. Oleh itu, pengajaran Bahasa Arab di APIUM perlu mempunyai matlamat tersebut dan semua perancangan pengajaran haruslah bertujuan untuk memenuhi matlamat tersebut. Inilah yang dimaksudkan sebagai pengajaran Bahasa Arab untuk Tujuan-khusus.

Pengajaran Bahasa Arab untuk Tujuan-khusus

Dalam membineangkan pengajaran Bahasa Arab untuk Tujuan-khusus, terdapat beberapa

perkara yang menjadi pokok persoalan. Pertama, kenapa kita perlu kepada pengajaran Bahasa Arab untuk Tujuan-khusus? Bolehkah pengajaran Bahasa Arab dilaksanakan tanpa merujuk kepada matlarnat pelajaran Bahasa Arab itu sendiri dan hasil akhir pelajar yang mempelajarinya? Dengan kata yang lain, bolehkah kita mengajar Bahasa Arab secara umum kepada pelajar tanpa mengikut sukatan Bahasa Arab tertentu berdasarkan bidang pengkhususan pelajar di mana mereka sendiri akan mengaplikasi apa yang mereka pelajari dalam bidang masing-masing? Sekiranya kita menerima pendekatan pengajaran untuk Tujuan-khusus, apakah ini bermakna keupayaan dan pemahaman guru yang mengajar Bahasa Arab adalah terbatas kerana mereka tidak mengambil pengkhususan dalam bidang-bidang Syariah, Usuluddin dan Pendidikan Islam? Akhir sekali, bahan yang bagaimanakah yang sebenarnya sesuai untuk digunakan bagi pengajaran Bahasa Arab untuk Tujuan-khusus ini? Memang sukar untuk menjawab semua persoalan tersebut. Kesukarannya bukan kerana penulis tidak mempunyai jawapan, tetapi bagaimana hendak meyakinkan mereka yang terlibat.

Untuk menjawab persoalan pertama, memang tidak dinafikan ianya boleh dilakukan tetapi dari pemerhatian penulis, ia telah gagal mencapai matlamat pengajaran Bahasa Arab itu sendiri. Banyak kesan negatif lahir daripada pendekatan yang pertama (mengajar Bahasa Arab secara umum kepada pelajar yang rnenjurus kepada sesuatu bidang). Pertama, ia menunjukkan ketidakpekaan pengajar terhadap keperluan pelajarinya. Ia umpama menjual minyak disel kepada kenderaan yang mernerlukan minyak petrol. Minyak tetap minyak, tapi ia mungkin menyebabkan kenderaan tersebut bergerak terhinggut-hinggut atau meletup terus! ! ! . Meletup yang dimaksudkan di sini adalah ditujukan kepada pelajar yang kurang berminat terhadap subjek tersebut kerana mereka melihat tiada hubungan kait antara apa yang dipelajari dengan apa yang mereka akan aplikasikan. Keadaan ini pernah berlaku kepada pelajar-pelajar di salah sebuah universiti di tanah air. Mereka mempelajari bidang Undang-Undang atau Ekonomi sedangkan Bahasa Arab yang diajar kepada mereka berfokus kepada bermain bola, pergi berkelah, mari melukis dan sebagainya. Lebih memeritkan lagi, nahu yang sepatutnya menjadi asas kepada pemahaman mereka dalam menguasai Bahasa Arab tidak diajar langsung dalam tempoh dua tahun pertama mereka belajar. Perkara yang sarna mungkin berlaku di APIUM di mana pelajar mempelajari Bahasa Arab hanya untuk lulus semata-mata.

Dari segi kelancaran perbelajaran boleh dianalogikan sepertimana pelajar seolah-olah berada di lembah yang lain sementara guru yang mengajar berada di lembah yang satu lagi. Kedua, tindakan mengajar Bahasa Arab umum kepada pelajar yang mengambil pengkhususan dalam lain-lain bidang, pensyarah seolah-olah mengarnbil jalan mudah dengan menggunakan bentuk pembelajaran yang mereka lalui dahulu (di negara-negara Timur Tengah) tanpa mahu berusaha mencari bahan-bahan baharu untuk memenuhi keperluan pelajar. Pengajaran Bahasa Arab seharusnya bersifat realistik. Contohnya, di peringkat awal pelaksanaan Bahasa Inggeris untuk Tujuan-khusus (*English for Specific Purposes*) (ESP), tentangan hebat diberikan oleh guru-guru Bahasa Inggeris terhadap penyediaan bahan baharu untuk memenuhi keperluan pelajar-pelajar daripada pelbagai bidang baru sarna ada Undang-Undang, Sains ataupun Kejuruteraan. Ketiga, persoalan mengenai idealistik dan realistik. Secara idealistik, memanglah dengan mempelajari Bahasa Arab tersebut pelajar akan dapat menguasai sebanyak mungkin kemahiran. Contohnya, mempelajari Bahasa Arab dengan membuat pengkhususan dalam bidang Sastera

(yang mempunyai nilai bahasa yang tinggi) akan membolehkan pelajar menguasai lain-lain bidang, selain bidang Bahasa Arab itu sendiri. Inilah yang telah dihasratkan oleh para penggubal sukatan Bahasa Arab Akademi Pengajian Islam satu ketika dahulu. Mereka mengatakan APIUM (dahulu dikenali sebagai AI) berhasrat pelajarannya menguasai bidang Syariah dan lain-lain selain menguasai lain-lain bidang ilmu seperti Ilmu Nahu hingga ke tajuk-tajuk *Tanazu*: dan *Ishtighal* (dua tajuk yang terdapat dalam Ilmu Nahu tetapi jarang digunakan)sertadapatmenghayati keindahanKaedah *atauUslubNathar Mania/uti* dan syair-syair para penyair Zaman Jahiliyyah, Zaman Islam dan Zaman 'Umayyah, sekalipun sukar untuk dicapai dan seolah-olah mustahil untuk dicapai! Sedangkan mereka yang belajar di universiti-universiti negara-negara Arab yang membuat pengkhususan dalam bidang Syariah dan Usuluddin pun hanya dapat mempelajari sebahagian daripada tajuk-tajuk dalam Ilmu Nahu, selain mempelajari *Balaghah* (Seni Bahasa) untuk satu semester sahaja, bagaimana pula penuntut-penuntut di APIUM dapat melakukannya?

Seterusnya, apabila kita membuat unjuran masa yang diperuntukkan untuk-pengajaran Bahasa Arab sepanjang tempoh pengajian pelajar di universiti, adalah tidak mungkin untuk diajarkan semua sukatan ini dalam masa yang diperuntukkan. Inilah yang dimaksudkan dengan dilema idealistik dan realistik. Untuk itu, kalau kita masih berpegang dengan idealistik, kita tidak akan ke mana kerana hasil itu tidak tercapai dan pelajar akan menjadi mangsa. Dengan itu, wajar sekali kita mengengahkan idea realistik dalam perkara ini.

Berhubung persoalan kedua (mengajar Bahasa Arab umum kepada pelajar yang mengambil pengkhususan dalam lain-lain bidang), apakah ini bermakna pensyarah yang mengajar Bahasa Arab untuk Tujuan-khusus perlu menguasai bidang yang khusus tersebut untuk membolehkannya melaksanakan pengajaran dengan berkesan? Pengalaman mereka yang telah menggunakan pendekatan ini dalam pengajaran Bahasa Inggeris menunjukkan persoalan ini langsung tidak timbul. Master (1988), salah seorang pendokong ESP dan mengajar Bahasa Inggeris untuk Sains dan Teknologi, mengatakan beliau tidak berhasrat untuk menjadi seorang saintis malah beliau sendiri tidak mahu pelajarannya menganggap beliau adalah seorang saintis. Apa yang beliau harapkan dari pelajarannya ialah untuk menganggap beliau sebagai seorang guru yang boleh membantu mereka menerangkan kepada orang lain dalam Bahasa Inggeris mengenai sains dan teknologi. Tentunya hasrat inilah juga yang terpahat di dalam sanubari setiap pensyarah Bahasa Arab di APIUM. Mereka mahukan pelajar-pelajar mereka boleh menulis dan membaca dalam Bahasa Arab dengan baik dalam bidang masing-masing, dengan mereka (para pensyarah Bahasa Arab) tidak perlu menguasai bidang-bidang pengkhususan pelajar kerana mereka hanyalah pensyarah bahasa.

Bagaimana pun, perlu juga disebutkan di sini, seandainya guru Bahasa Arab dapat memahirkan dirinya dalam kedua-dua bidang tersebut, itulah yang sebaiknya dan yang paling ideal. Kebanyakan pensyarah atau guru Bahasa Arab yang mengajar di APIUM mengambil pengkhususan minor dalam bidang Syariah atau Usuluddin sewaktu mereka menuntut dahulu. Malah sebahagian daripada mereka mempunyai latarbelakang bidang yang sama dengan bidang pelajar di APIUM. Ini tentunya akan memberikan kelebihan berganda untuk mengajar Bahasa Arab bagi Tujuan-khusus.

Untuk persoalan yang ketiga iaitu bahan apakah yang bersesuaian untuk digunakan bagi tujuan pengajaran Bahasa Arab untuk Tujuan-khusus? Jawapannya juga tidak semu-

dah yang difikirkan. Bagaimana pun, daripada perbincangan di atas dapat dicadangkan di sini bahawa bahan-bahan tersebut perlu bermatlarnatkan penguasaan bahasa dan bukan penguasaan bidang pelajar. Ini juga membawa maksud pengajaran bahasa tidak harus begitu teknikal dan sukar sehingga menjejaskan matlamat pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab yang sebenar. Bahan yang digunakan adalah hanya sebagai alat pengajaran Bahasa Arab untuk Tujuan-khusus sahaja bukan pengajaran kandungan. Pengalaman pengajaran Bahasa Inggeris (Huckin & Olsen, 1983) menunjukkan apabila guru membawa masuk artikel Sains yang begitu kompleks kandungannya ke kelas untuk pengajaran Bahasa Inggeris bagi pelajar bidang Sains matlamat guru tersebut untuk membolehkan pelajar memahami bahasa tidak tercapai.

Hal ini juga tentunya boleh digunakan kepada pengajaran Bahasa Arab. Sekiranya guru membawa teks dari kitab *turath* (kitab tua) yang jalan bahasanya sendiri terlalu sukar untuk difahami dan ditiru dalam penulisan bahasa (kerana matlamat teks tersebut bukan untuk pengajaran bahasa, khususnya penulisan), maka matlamat untuk membolehkan pelajar mempelajari bahasa dari teks tersebut tidak akan tercapai. Tanpa disedari juga pensyarah tersebut mungkin mengambil alih tugas pensyarah bidang terbabit (sekiranya mampu) mengajar isi kandungan teks berkenaan. Ini menjadikan pelajar merasa terbeban dan menyebabkan mereka tidak menyukai apa yang dipelajari (Master, 1988).

Bagaimana pula untuk menentukan tahap kesukaran sesuatu teks atau bahan yang hendak digunakan itu? Untuk tujuan ini, selain dari penilaian oleh guru sendiri, ujian klotz (*doze test*) mungkin boleh digunakan. Dari jawapan yang pelajar berikan guru akan dapat menentukan indeks tahap kesukaran bahan. Pakar bahasa seperti Gebhard (1983) meyakini bahawa andainya kurang dari 27 peratus pelajar dapat menjawab item dalam ujian klotz bagi sesuatu teks, ia bermakna tahap kesukaran teks tersebut adalah tinggi. Selain dari itu, kemahiran membaca mungkin menjadi faktor tambahan untuk menyediakan bahan untuk pelajar berkenaan. Krashen (1985) pula mengatakan, masa yang banyak diperuntukkan untuk bacaan akan membolehkan pelajar menguasainya dengan baik. Keadaan yang sarna juga terpakai untuk pengajaran Bahasa Arab di APIUM. Dengan melihat kepada matlamat pengajaran bahasa di institusi tersebut berserta analisis keperluan (*needs analysis*) pelajar kepada bahan maka para pensyarah perlu menyediakan bahan yang bersesuaian dengan keperluan pelajar di Akademi tersebut.

Merujuk matlamat pengajaran Bahasa Arab di APIUM yang telah dibincangkan sebelum ini, matlamat akhir pengajian seorang pelajar Syariah dan Usuluddin adalah untuk menjadi pakar-pakar fekah, tafsir dan Pendidikan Islam. Untuk mencapai matlamat tersebut, bahan pengajaran Bahasa Arab yang perlu disediakan khususnya, dari aspek ilmu Bahasa Arab dan cabang-cabangnya - yang memerlukan penyusunan yang lebih sistematik. Bagaimana pun, sepertimana telah dibincangkan sebelum ini, tempoh pengajian Ijazah Sarjana Muda di APIUM selama empat tahun tidak memungkinkan pelajar menjadi mahir dalam setiap cabang ilmu Bahasa Arab seperti Syntak (Nahu), Morfologi (*Sar/*), Seni Bahasa (*Balaghah*), Semantik (*Dilalah*), dan Fonologi (*'Ilmu- 'l-Lughah*). Oleh itu, pensyarah harus menentukan tajuk mana yang perlu didahulukan dan dikemudikan. Dengan cara ini, pelajar baharu khusus pelajar peringkat pra-universiti tidak akan mempelajari tajuk-tajuk yang sukar mereka fahami; pelajar peringkat ijazah lanjutan pula tidak akan mengulang semula tajuk-tajuk yang telah mereka pelajari di peringkat ijazah pertama; dan penyusun sukatan pelajaran untuk peringkat ijazah lanjutan juga tidak akan

mengalami masalah dalam menyusun tajuk-tajuk untuk bahan pengajaran Bahasa Arab.

Sehubungan dengannya, penyusunan semula sukatan pelajaran subjek elektif di APIUM yang terbaharu dilihat sebagai usaha ke arah mencapai matlamat ini (untuk menjadikan pelajar keluaran APIUM pakar-pakar fekah, tafsir dan Pendidikan Islam). Contoh yang jelas kelihatan ialah: Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Islam didedahkan kepada tajuk-tajuk *Nahu Waziji (junctional grammar)* dan mereka juga dikehendaki membuat kajian dengan menggunakan tajuk-tajuk tersebut. dengan merujuk AI-Qur'andan hadis - dua sumber utama bagi bidang Syariah dan Usuluddin. Bukan setakat itu sahaja, malah asas-asas Ilmu Balaghah iaitu Ilmu Ma'ani dan Ilmu Bayan juga dipraktikkan tetapi tidak bagi 'Ilm Badi'.

Selain mempelajari ilmu-ilmu Bahasa Arab, (yang dilakukan juga oleh pelajar-pelajar bidang Syariah dan Usuluddin), pelajar perlu menguasai kemahiran pertuturan dan penulisan dalam Bahasa Arab. Dengan itu, mereka juga didedahkan kepada mata pelajaran Pertuturan-dan-Peeulisen-dalam Pendidikan-Bahasa Arab. Mata pelajaran Analisis Wacana dan Teks dalam Pendidikan Bahasa Arab diajar kepada mereka supaya mereka boleh menguasai gaya Bahasa Arab dalam penulisan mereka. Jika program tersebut berjalan mengikut seperti yang dirancangan, pelajar Sarjana Muda Pendidikan Islam APIUM akan menjadi pelajar yang mempelopori penggunaan Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran untuk Tujuan Khusus. Apatah lagi, sepanjang pengetahuan penulis, belum ada universiti tempatan yang membuat program seumpama ini,

Pendekatan Mengajar Kemahiran Bahasa Arab untuk Tujuan-khusus

Sebelum penulis mencadangkan satu pendekatan baharu untuk pengajaran Bahasa Arab di APIUM, lebih dahulu penulis akan membincangkan beberapa cadangan mengenai kemahiran-kemahiran yang perlu diberi penekanan oleh pensyarah. Berdasarkan perbincangan sebelum ini, selain dari Nahu dan Sarf, dua kemahiran yang perlu diberi penekanan oleh pensyarah dalam pengajaran Bahasa Arab, (khususnya sewaktu proses pengajaran pelajar-pelajar yang mengambil subjek Bahasa Arab tetapi membuat pengkhususan dalam bidang-bidang Syariah dan Usuluddin di APIUM), ialah kemahiran bacaan dan penulisan. Dua aspek ini perlu diberi penekanan kerana melihat kepada keperluan pelajar dalam bidang-bidang yang berkenaan.

Dalam proses pembelajaran di APIUM, pelajar-pelajar membuat rujukan dalam Bahasa Arab. Kajian oleh pasukan penyelidik Universiti Malaya (Isahak Haron, 2000) menunjukkan pelajar AI (sekarang APIUM) menggunakan hampir 45 peratus rujukan mereka dalam Bahasa Arab, 2.6 peratus dalam Bahasa Inggeris dan 52.6 peratus lagi dalam Bahasa Melayu. Dapatan ini tentunya memberangsangkan pensyarah-pensyarah Bahasa Arab untuk menyuntik kemahiran membaca di kalangan para pelajar APIUM. Bagaimana pun, ini tidak bermakna kemahiran-kemahiran yang lain seperti kemahiran mendengar dan bertutur akan diabaikan di peringkat ini. Sekiranya kemahiran mendengar dan bertutur tidak diberi perhatian bererti penekanan kepada dua kemahiran tersebut di peringkat sekolah menengah dan pra-universiti menjadi sia-sia, selain bercanggah dengan teori pembelajaran bahasa itu sendiri, kerana lebih menumpukan kepada kemahiran-kemahiran bacaan dan penulisan tetapi meninggalkan kemahiran-kemahiran mendengar dan bertutur:

Pengajaran Kemahiran Bacaan

Dalam pengajaran kemahiran bacaan, kebiasaannya dua jenis teks digunakan dalam pengajaran iaitu: 1) Teks pendek; dan 2) Teks panjang. Antara kelebihan-kelebihan menggunakan teks pendek adalah: 1) Membolehkan setiap pelajar membina kemahiran membaca secara individu dengan cepat dan dalam masa yang diberikan; 2) Membina kemahiran mendapatkan idea utama teks; 3) Boleh melihat pertalian antara ayat-ayat di dalam teks kerana teksnya yang pendek; dan 4) Membolehkan pensyarah/guru membimbing pelajaranya membuat ringkasan/rumusan teks yang dibaca. Kemahiran-kemahiran tersebut tidak boleh dibina pada teks panjang kerana teks panjang memerlukan masa yang lebih lama; mengandungi banyak idea utama yang tentunya akan membawa kepada rumusan yang panjang yang kadang-kadang lebih panjang dari sebuah teks pendek itu sendiri.

Sebaliknya, teks panjang pula sesuai untuk bacaan secara kumpulan. Contohnya, guru membahagikan teks tersebut kepada beberapa bahagian mengikut jumlah kumpulan pelajar. Setiap kumpulan dikehendaki membaca, menganalisis dan membuat ringkasan bahagian teks yang mereka baca. Setiap kumpulan akan membentangkan analisis atau ringkasan teks di dalam bilik darjah. Ini bermakna mereka menggunakan kemahiran per-tuturan yang mereka pelajari di dalam bilik darjah ketika menghurai, merumus atau meringkas teks secara lisan. Selain dari itu, untuk tujuan membina kemahiran mendengar dan menulis di kalangan pelajar, isi-isi yang dikemukakan oleh setiap kumpulan perlu ditulis semula. Dengan cara ini, mereka akan memberikan tumpuan kepada isi-isi yang disampaikan oleh setiap kumpulan.

Pensyarah/guru pula perlu melaksanakan tugas-tugas berikut: 1) Menyediakan teks: Mereka perlu mencari teks dari sumber-sumber tertentu sesuai dengan bidang pelajar; 2) Membuat beberapa persediaan bertujuan mengembangkan pemikiran pelajar seperti soal-jawab mengenai teks sewaktu proses pembelajaran. Ahli-ahli falsafah dan juga pakar-pakar Psikologi telah membahaskan dengan mendalam tahap-tahap pemikiran manusia. Pemikiran manusia dikatakan mempunyai beberapa tingkat bermula dengan pengetahuan atau maklumat hinggalah ke tahap yang paling tinggi iaitu penilaian. Oleh itu, ketika memberi tugas rumusan teks yang dibaca kepada pelajar, pensyarah perlu menunjuk-ajar tingkat-tingkat pemikiran tersebut: Tahap pertama, tahap paling rendah dalam aras pemikiran - antaranya, merujuk tindakan pelajar menyenaraikan isi-isi penting dalam teks yang dibaca sebaik diminta oleh pensyarah. Tahap kedua, kefahaman - antaranya, merujuk tindakan pelajar cuba memahami teks yang mereka baca sebaik disoal pensyarah. Tahap ketiga, aplikasi - antaranya, merujuk tindakan pelajar mengaitkan (aplikasi) isi teks tersebut dengan apa yang berlaku sekarang ini sebaik disoal oleh pensyarah. Tahap keempat, analisis - antaranya, merujuk tindakan pelajar menganalisis idea dalam teks tersebut sebaik diminta oleh pensyarah. Tahap kelima, sintesis - antaranya, merujuk tindakan pelajar menjelaskan beberapa frasa, konotasi, atau perenggan dalam teks yang dibaca sebaik diminta oleh pensyarah. Sesetengah ahli psikometrik dan psikolinguistik seperti Purpura (1999) menganggap sintesis adalah sebahagian daripada kefahaman seseorang individu. Tahap keenam, penilaian - antaranya, merujuk tindakan pelajar membuat komen dan kritikan dari segi gaya bahasa, isi, pencerapan idea dan sebagainya terhadap teks yang dibaca sebaik diminta oleh pensyarah. Ini adalah tahap/peringkat/aras paling tinggi kerana pelajar perlu memberi buah fikirannya mengenai teks yang dibaca.

Pengajaran Kemahiran Menulis

Biasanya, pengajaran kemahiran menulis di peringkat universiti seperti di APIUM dan pra-universiti menumpukan penulisan berbentuk esei. Ini sesuai dengan kedudukannya sebagai yang paling sukar sekali di antara keempat-empat jenis kemahiran. Dengan itu, pengajaran kemahiran menulis di peringkat universiti dan pra-universiti mempunyai justifikasi yang kukuh. Bagaimana pun, apa yang lebih penting seperti yang telah dibincangkan sebelumnya, keperluan penekanan terhadap kemahiran ini kerana ia menepati matlamat pengajaran Bahasa Arab di APIUM atau yang sepertinya disebabkan pelajar di peringkat ini perlu menujis dalam Bahasa Arab. Sebelum membicarakan pendekatan pengajaran kemahiran menulis, diperturunkan dahulu ciri-ciri yang biasa terdapat dalam sesuatu penulisan yang baik. Ciri-ciri tersebut adalah:

1. Kandungan - meliputi: isi yang jelas; maklumat yang disampaikan adalah benar atau tepat - ini menolak dakwaan pendapat yang mengatakan dalam pengajaran bahasa ketepatan maklumat ilclik-penting; dan logik: yang boleh diterima oleh pembaca;
2. Struktur - meliputi: susunan ayat; gaya bahasa; persembahan; urutan; dan perkaitan;
3. Tata bahasa - meliputi: penggunaan nahu dan sarf;
4. Mekanik - meliputi: ejaan; tanda baca; dan susunan sub-topik serta indeks (sekiranya ada);
5. Pemilihan perkataan - meliputi: perbendaharaan kata; peribahasa; seni bahasa dan sebagainya;
6. Objektif - meliputi: matlamat penulisan; dan
7. Sasaran pembaca - meliputi: siapakah yang akan membaca tulisan tersebut.

Berikut adalah beberapa cadangan pendekatan berdasarkan pendekatan Raimes (1983) yang boleh digunakan dalam pengajaran kemahiran menulis di APIUM dan seumpamanya. Pendekatan tersebut bagaimanapun hanyalah cadangan dan pembaca khususnya para pensyarah/guru mungkin telah menggunakan mempunyai pendekatan lain yang tidak disenaraikan di sini:

Pendekatan Bimbingan kepada Kendiri

Pendekatan ini adalah unjuran kepada kaedah *audio-lingual* (dengar-tutur) dalam pengajaran bahasa. Pendekatan ini menekankan bimbingan kepada pelajar di peringkat awal pengajaran penulisan dan mengurangkan sedikit demi sedikit bimbingan tersebut hingga pelajar menguasai penulisan. Oleh itu, penulisan di peringkat awal tertumpu kepada perenggan yang pendek; tajuk-tajuk yang tidak sukar; dan meningkat sedikit demi sedikit hingga pelajar boleh menulis sendiri. Sesi pembelajaran menggunakan bahasa sasaran (Bahasa Arab dalam kes APIUM) adalah antara aktiviti penting dalam penulisan menggunakan pendekatan ini. Pelajar akan memperoleh gaya bahasa dan perbendaharaan kata baharu melalui pembelajaran menggunakan pendekatan ini, selain dapat memahirkan mereka bertutur. Antara kelemahan pendekatan ini, pelajar tidak begitu kreatif kerana membincangkan apa yang disarankan oleh guru.

Pendekatan Penulisan Bebas

Pendekatan ini mempunyai keunikannya yang tersendiri. Ia berdasarkan kepada Pendekatan Pengajaran secara Langsung dalam pengajaran bahasa. Teori ini hampir sama

iaitu pelajar dibiarkan bebas menulis dalam pembelajaran kemahiran penulisan. Kesalahan bahasa tidak diberi penekanan atas alasan pelajar akan memperbaikinya sendiri melalui pengetahuan mereka terhadap Ilmu Nahu. Guru juga tidak membuat pembetulan ke atas kesalahan pelajar sekalipun kerja-kerja mereka dikumpul oleh guru. Selain dari menulis, pelajar dikehendaki membaca apa yang ia tulis di depan rakan-rakannya. Diharapkan kesedaran pelajar tinggi untuk membuktikan keupayaannya menulis tanpa melakukan kesilapan apabila dikehendaki membaca hasil tulisannya itu di depan orang lain. Pendekatan ini merujuk kepada teori pembetulan sendiri oleh pelajar. Dengan menggunakan pendekatan ini, kuantiti penulisan pelajar akan meningkat berbanding lain-lain pendekatan. Berdasarkan pemerhatian penulis, terdapat juga guru yang menggunakan pendekatan ini, Apa yang berbeza ialah guru memeriksa dan membetulkan kesilapan pelajar. Tindakan ini menyebabkan pelajar "lepas tangan" kerana mereka menyedari ada pihak yang akan membetulkan kesilapan mereka.

Pendekatan Proses

Pendekatan ini melihat proses penulisan sebagai elemen yang lebih penting dalam memahirkan seorang pelajar. Persoalan yang sering diberi penekanan adalah: Bagaimana saya dapat menulis tajuk ini; dan bagaimana saya memulakannya; dan apakah proses untuk mencapai hasil penulisan yang baik. Biasanya, pengajaran dibahagi kepada beberapa bahagian: 1) Sebelum; 2) Sewaktu; dan 3) Selepas penulisan. Aktiviti sebelum penulisan ialah: perbincangan isi topik; bacaan bahan yang berkaitan sambil menganalisis bentuk penulisan artikel tersebut, perturutan idea, penggunaan mekanisma bacaan dan tatabahasa; sumbangsaran yang merangkumi pemilihan perkataan, frasa, idea-idea yang timbul tanpa menekankan kepada ketepatannya dengan topik yang dibincangkan; dan membuat senarai idea atau isi penting. Dalam pendekatan ini, hasil penulisan pelajar tidak diperiksa bagi menentukan salah atau betul - tidak mencari kesalahan pelajar. Sesuatu tulisan ditulis melalui beberapa proses yang dikenali dengan draf. Dalam proses draf ini, pelajar akan menunjukkan hasil tulisannya kepada guru dan rakan, membincangkannya dan menulisnya semula. Inilah yang dikatakan pendekatan proses. Dua elemen penting yang perlu diberi penekanan oleh guru apabila menggunakan pendekatan ini adalah: 1) *Masa* kepada pelajar menulis draf esei; dan 2) *Maklumbalas* oleh guru dan rakan terhadap draf yang ditulis oleh pelajar. Dengan cara ini, pelajar mengalami proses penulisan yang mereka sebagai satu proses menerokai idea barn dan juga proses menerokai bentuk penulisan barn untuk menyalurkan idea mereka.

Dapat disimpulkan bahawa pendekatan-pendekatan tersebut merupakan lanjutan daripada kaedah-kaedah pengajaran bahasa itu sendiri. Guru-guru yang biasa dengan Kaedah Nahu Terjemahan umpamanya, mungkin cenderung untuk menggunakan Kaedah Struktur (Structural Approach), yang memberi penekanan kepada struktur ayat Bahasa Arab. Selain dari itu, perlu ditegaskan di sini, guru boleh menggunakan gabungan kaedahkaedah yang telah dicadangkan sekiranya mereka berpandangan pendekatan sedemikian lebih sesuai. Pendekatan ini dinamakan Kaedah Pilihan (Electic Approach) iaitu guru memilih mana yang sesuai.

RUMUSAN

Artikel ini telah membicarakan secara ringkas beberapa perkara penting dalam pengajaran Bahasa Arab di peringkat tinggi dengan merujuk khusus kepada *pengajaran bahasa untuk tujuan khusus*. Walaupun tajuk artikel ini memfokuskan kepada kaedah pengajaran, tetapi beberapa aspek lain turut diketengahkan kerana melihat kepentingannya untuk diketengahkan dalam perbincangan ini. Persoalan matlamat pengajaran telah diberi penekanan dengan cuba mengajak para pensyarah memikirkan .. apakah . matlamat yang hendak dicapai dalam pengajaran Bahasa Arab di universiti, dengan membuat rujukan khusus kepada APIUM, atau pra-APL. Dalam proses penilaian pengajaran, sesuatu pengajaran yang tidak mempunyai objektif yang jelas atau tidak selari dengan keperluan pelajar, maka pengajaran tersebut dianggap gagal sebelum ia bermula. Artikel ini juga cuba melihat kandungan sukatan pelajaran yang perlu diajar untuk memenuhi matlamat yang telah dinyatakan. Dalam dunia pendidikan, sekiranya isi kandungan pengajaran ti-

--rlak menepati matlamat atau objektif-yang telah digariskan bereftipensyarahi gumterbabit . dianggap telah gagal dalam melaksanakan pengajarannya. Oleh kerana itu, penulis telah menyentuh sedikit kandungan pengajaran peringkat universiti khususnya, APIUM. Dalam membincangkan pendekatan mana yang lebih sesuai untuk digunakan, penulis telah memilih pendekatan yang dikira amat diperlukan oleh penuntut-penuntut yang mengambil subjek Bahasa Arab di APIUM dewasa ini selain boleh diaplikasi oleh para pensyarah/ guru. Tulisan ini tidak bermaksud hendak mengubah apa jua bentuk pendekatan yang sedang digunakan di dewan-dewan kuliah mahu pun di bilik-bilik darjah sebaliknya, hanya bertujuan untuk memanjangkan fikiran-fikiran bemas yang dikutip dari mereka yang ahli dalam bidang pendidikan bahasa untuk dibincangkan dalam ruangan ini.

RUJUKAN

- Hassan Basri Awang Mat Dahan (1995, Disember 11-13). *Penggunaan alat bantu mengajar dalam pengajaran Bahasa Arab*. Kertas kerja Seminar Kurikulum Kebangsaan, Port Dickson, Negeri Sembilan.
- Hassan Basri Awang Mat Dahan (2002). *Language testing: The construction and validation*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Hassan Basri Awang Mat Dahan, J assem Ali Jassem, H., Mat Taib bin Pa, & J amilah Mohd Salleh (2002). Kajian penguasaan penulisan Bahasa Arab pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan*, 22, 155-73.
- Gebhard, I. (1983). Successful comprehension: What teachers can do before students read. *English Teaching Forum*, 25(2), 21-23.
- Huckin, T., & Olsen, L. (1983). *English for science and technology: A handbook for non-native speakers*. New York: McGraw-Hill.
- Isahak Haron (2000). *Kajian penggunaan bahan rujukan oleh pelajar UM untuk Quality Assurance Data*. (Laporan kajian kepada Pengurusan Universiti Malaya yang tidak diterbitkan).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2000). *Draf huraian sukatan Bahasa Arab Komunikasi untuk sekolah menengah (versi Arab)*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Islam dan Moral.

- Krashen, S. (1985). *The power of reading*. Paper presented at the TESOL Convention, New York.
- Master, P. (1988, March). Reading and content in ESP. DIm. *English for Specific Purposes (ESP)*. *CATESOL News*. California Teachers of English to Speakers of Other Languages.
- Purpura, J. E. (1999). *Learner strategy use and performance on language tests: A structural equation modeling approach*. Cambridge, UK: Cambridge UP.
- Raimes, A. (1983). *Techniques in teaching writing*. London: Oxford UP.